



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)

**Hanya dibuka untuk pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI JURURAWAT (M.11)
OUTWARD BOUND OF BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI JURURAWAT
OUTWARD BOUND OF BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
M.11 (\$1,920 - \$3,250 EB KHAS \$3,345 - \$3,725 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *Advanced Diploma* atau sebanding dalam bidang Kejururawatan atau bidang bersesuaian DAN telah berkhidmat sebagai Jururawat Tingkat Khas atau dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji M.9 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) Diploma atau sebanding dalam bidang Kejururawatan atau bidang bersesuaian DAN Telah berkhidmat sebagai Jururawat Tingkat Khas atau dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji M.9 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei (BNB)*) atau mana-mana Lembaga yang berkenaan.
3. Berpengalaman sebagai Jurulatih Pertolongan Kecemasan tidak kurang dari 3 tahun.
4. Mempunyai pengalaman dalam perkara-perkara berikut adalah kelebihan:
 - i) Pengurusan seksyen perubatan tidak kurang dari 5 tahun;
 - ii) Perkhidmatan pertolongan kecemasan;
 - iii) Teknik-teknik mencari dan menyelamatkan (*search & rescue*);
 - iv) Teknik-teknik pengangkutan (*evacuation*) pesakit.
5. Berkebolehan berenang tanpa menggunakan pelampung/jaket keselamatan di kolam renang sejauh 200 meter.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab atas kepimpinan, pengurusan dan pengawasan seksyen perubatan *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)*;



2. Memastikan dasar-dasar kejururawatan dan tatacara perawatan dijalankan dengan teratur;
3. Mengawasi penjagaan, rawatan dan kesejahteraan pesakit-pesakit dikendalikan dengan memuaskan;
4. Menasihati dan menjadi kaunselor kepada jururawat, pesakit dan keluarga pesakit. Memantau perancangan perawatan pesakit, klien mengikut pelan tindakan jagaan perawatan;
5. Berhubung rapat dan bekerjasama dengan pegawai-pegawai dan kakitangan *OBBD* bahagian rumah sakit, pakar-pakar, pegawai perubatan dan keluarga pesakit untuk rawatan dan kesejahteraan pesakit;
6. Mengesahkan semua dokumen kesihatan / perubatan bagi setiap peserta *OBBD*;
7. Merancang dan menjalankan latihan pertolongan kecemasan (*first-aid*) peringkat dasar hingga ke peringkat lanjutan serta latihan *hygiene* bagi semua peserta *OBBD* serta kakitangan operasi *OBBD*;
8. Merancang dan menjalankan latihan kejururawatan bagi pegawai dan kakitangan-kakitangan lain dalam Seksyen perubatan *OBBD*;
9. Mengawasi semua aspek kesihatan dan *hygiene* yang berkaitan dengan operasi *OBBD*;
10. Merancang, menetapkan dan mengimplementasi sistem kecemasan (*emergency*) dan penyelamatan (*rescue*);
11. Menentukan penyimpanan dan pemeliharaan peralatan dan bahan-bahan farmasi dan pembekalan-pembekalan lain sentiasa cukup, kemas dan dalam keadaan baik;
12. Bertugas sebagai 'Medik Bertugas' secara 24 jam sepanjang program perkhidmatan *OBBD* dijalankan serta memberi perkhidmatan pertolongan kecemasan dan bantuan perubatan kepada semua kakitangan dan peserta *OBBD*;
13. Mengiring dan mengawasi latihan serta ekspedisi *OBBD* di hutan pedalaman atau kawasan perairan sepanjang 2 hingga 10 hari jika perlu (berkemah bermalam); dan
14. Menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh Pegawai Kanan dari semasa ke semasa apabila dikehendaki.